

**PENGHAYATAN AGAMA SEBAGAI ASAS PEMBANGUNAN
PELAJAR: ANALISIS TERHADAP BEBERAPA
PANDANGAN AL-IMAM AL-GHAZALI**

PROF.MADYA DR. ZULKIPLE ABD. GHANI
Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Bangi, Selangor
E-mail: zulkiple@pkriscc.ukm.my

NOR SALIMAH BINTI ABU MANSOR
Universiti Darul Iman Malaysia (UDM), Kampus KUSZA, Terengganu
E-mel: chattnor@yahoo.com

ABSTRAK

Penghayatan agama (*religiosity*) mengandungi pengertian menterjemah dan mengamalkan ajaran agama secara komprehensif dalam cara berfikir, bercakap, bertingkahtlaku, menetapkan prinsip, keputusan dan tindakan dalam segenap aspek kehidupan dengan berumbikan pengetahuan dan kefahaman agama. Dalam konteks pembangunan pelajar di Malaysia, penghayatan agama merupakan salah satu elemen teras yang mempengaruhi kualiti peribadi seseorang pelajar. Ia mampu membentuk dan mempertingkatkan nilai insan dengan meraikan segala unsur yang ada padanya dari segi mental, fizikal, emosi dan spiritual. Kajian menggunakan kaedah analisis kandungan (content analysis) sebagai rekabentuk kajian. Maklumat kajian diperolehi melalui kitab tulisan al-Imam al-Ghazali dan buku-buku yang menghuraikan pemikiran beliau. Kertas kerja ini cuba menganalisis beberapa pandangan al-Imam al-Ghazali dalam ruang lingkup penghayatan agama, khususnya berkaitan aspek kerohanian yang menjadi wahana membangunkan nilai insan secara holistik dan menyediakannya sebagai suatu daya kawal manusia bagi memelihara unsur ruhiyyah yang halus iaitu jiwa rohani manusia atau *latifah rabbaniyyah ruhaniyyah*; melalui konsep pembersihan jiwa (*tazkiyat al-nafs*) berdasarkan karyanya seperti *Ihya' 'Ulum al-Din*, *Minhaj al-'Abidin* dan *Ayyuha al-Walad*.

1.1 PENDAHULUAN

Dalam konteks masyarakat Islam di Malaysia, istilah penghayatan agama atau *al-tadayyun* kebiasaannya dirujuk sebagai pelaksanaan dan pengamalan agama oleh seseorang muslim di dalam kehidupannya, sama ada melibatkan lingkungan pengaruhnya (*circle of influence*) secara perseorangan seperti akidah, ibadah dan akhlak; atau melangkaui keluar hingga ke ruang kecaknaannya (*circle of concern*) seperti pelaksanaan syariah yang melibatkan individu lain, keluarga, masyarakat dan negara; dengan berasaskan pengetahuan dan kefahamannya mengenai agama. Jika dikaji dari segi latar belakang penghayatan agama, ia merupakan istilah yang berkait rapat dengan situasi kebangkitan semula Islam (*Islamic Resurgence*) dekad-dekad 70an dan 80an di mana umat Islam di negara ini mula melihat Islam sebagai suatu cara hidup. Namun, pengamalan Islam sebenarnya telah jauh bermula sebelum wacana mengenai penghayatannya giat berlangsung di kalangan masyarakat Islam negara ini. Walau bagaimanapun, pengamalan dan penterjemahan Islam ke dalam kehidupan secara menyeluruh tidak jauh melangkaui kerangka ritualnya (Mohamad Abu Bakar, 2005: 271).

Pandangan demikian memberi isyarat bahawa dalam konteks penghayatan agama di negara ini, Islam belum dihayati semaksimumnya sebagai suatu cara hidup selayak dengan potensinya yang telah terbukti membawa pembangunan dan ketamadunan dalam sejarah manusia (Mohd. Kamal Hassan, 1985: 12). Oleh yang demikian, Islam harus dihayati seutuhnya dengan pelaksanaan amali agar dapat memberikan dampak yang besar kepada pembangunan manusiawi khususnya generasi pelajar, dalam konteks membangunkan mereka secara holistik dengan menggabungkan pengetahuan, kemahiran dan aspek kerohanian.

Kertas kerja ini memberi tumpuan kepada definisi penghayatan agama, konsep penghayatan agama, aspek kerohanian dalam konsep penghayatan agama, ringkasan latar diri al-Imam al-Ghazali, aspek kerohanian menurut al-Imam al-Ghazali, penghayatan agama dalam pembangunan pelajar dan kesimpulan.

1.2 DEFINISI PENGHAYATAN AGAMA

Dari segi bahasa, penghayatan berasal dari 'hayat' iaitu perkataan Arab bermakna hidup, manakala kata kerja 'menghayati' memberi maksud mengalami dan merasai (dalam batin) atau meresap ke dalam jiwa. Penghayatan bererti perihal menghayati, perihal mengalami dan merasai dalam batin (Sheikh Othman Sheikh Salim, 2002: 447). Perkataan agama pula berasal dari perkataan Sanskrit iaitu gabungan 'a' bermakna tidak dan 'gama' bermakna kacau, menjadikan 'agama' memberi maksud peraturan atau tidak kacau. Sesuai dengan itu, orang yang beragama dikaitkan sebagai manusia yang memiliki ketenangan zahir dan batin (H. Ibrahim Lubis, 1982: 27).

Bersesuaian dengan maksud dari segi bahasa yang berakar kata kepada hayat, seseorang yang menghayati agama akan menjadikan agama itu 'hidup' dalam diri dan luarannya. Ini kerana sesuatu itu dianggap hidup berdasarkan kewujudan roh dan tenaganya. Tanpa roh dan tenaga segala pergerakan pun terhenti dan sesuatu itu menjadi kaku, beku dan mati (Wan Salim Wan Muhamad Nor, 1989: 1-2). Ini selari dengan pandangan bahawa agama merupakan intipati kepada fikiran dan pengetahuan yang berperanan sebagai pemangkin kepada segala gerak dan tingkahlaku yang suci (H. Ibrahim Lubis, 1982: 28). Oleh yang demikian, seseorang boleh dianggap menghayati agama jika segala tindakan dan cara hidupnya dipengaruhi penghayatannya terhadap agama.


1.3 KONSEP PENGHAYATAN AGAMA

Konsep penghayatan agama dalam konteks muslim merupakan penghayatan Islam. Ini kerana keagamaan memberi maksud keislaman (Mahmood Zuhdi, 2006: 1). Islam secara umum dijelaskan sebagai mentauhidkan Allah, tunduk dan patuh kepada perintah dan larangan Allah (s.w.t) tanpa bantahan (Tabarah, 1983: 1; Maududi, 1985: 8; al-Bugha, 1998: 5) melalui ajaran yang dibawa oleh Rasulullah (s.a.w) (al-Bugha, 1998: 6; Haron Din et.al, 1987: 26). Oleh itu dalam konteks muslim, al-Qaradawi (1984: 12) menggambarkan konsep penghayatan agama sebagai menghayati agama dalam segenap aspek kehidupan dengan penuh kebulatan (menyeluruh) berdasarkan pengertian menghayati akidah sebagai pegangan hidup, ibadah sebagai amalan hidup, syariah sebagai peraturan dan pertimbangan hidup, serta akhlak mulia sebagai etika hidup

termasuk menjauhi perbuatan syirik dan perbuatan-perbuatan lain yang ditegah oleh Allah (s.w.t.). Dalam hal ini, Sayyid Qutb (1983: 5) berpandangan bahawa seluruh kehidupan manusia mesti bersumber kepada agama yang mengandungi sistem hidup yang sesuai dengan fitrah kemanusiaan yang dapat direalisasikan dalam semua aspek kehidupan. Penghayatan sistem ini akan memandu kepada halatuju yang benar dan tepat bagi pencapaian matlamat sebenar kewujudan manusia di dunia ini dengan mengambilkira segala elemen dalam diri manusia iaitu jasmani, rohani, intelektual dan emosi.

1.4 ASPEK KEROHANIAN DALAM KONSEP PENGHAYATAN AGAMA

Konsep penghayatan agama yang mencakupi dimensi akidah, ibadah, akhlak dan syariah mempunyai kaitan rapat dengan aspek dalaman atau kerohanian. Ini kerana kesempurnaan penghayatan keempat-empat dimensi yang disebutkan memberi kesan kepada kerohanian seseorang. Selain itu, Muhammad Uthman el-Muhammady (1977: 9) melihat konsep penghayatan agama dari dua dimensi iaitu dimensi zahir dan batin. Berdasarkan pandangan ini, aspek kerohanian yang merupakan dimensi batin adalah sebahagian dari agama. Perkaitan antara agama dan unsur dalaman manusia jelas dalam pandangan al-Qaradawi (2001: 13) yang menyebut bahawa agama atau *al-din* merupakan sesuatu yang dirasai oleh manusia sebagai keperluan atau desakan dalaman melalui seruan batin yang semulajadi untuk mengakui bahawa mereka dan alam di sekeliling mereka mempunyai Tuhan yang Maha Agung. Ia merupakan suatu perasaan sejati dalam lubuk hati mereka yang mana hati mereka menghala kepada-Nya dengan penuh penghormatan, harapan, takut dan berserah serta memohon pertolongan daripada-Nya. Oleh yang demikian, sesiapa yang memenuhi seruan batinnya untuk hidup beragama; jiwa dan batinnya akan memperolehi ketenangan, sebagaimana Firman Allah (s.w.t.):



(al-Qur'an, Al-Rum 30: 30)

Maksudnya:

Maka hadapkanlah dirimu (wahai Muhammad dan pengikut-pengikutmu) ke arah *al-din* yang lurus (jauh dari kesesatan); (turutlah terus) agama Allah-iaitu agama yang Allah menciptakan manusia (dengan keadaan bersedia dari semulajadinya) untuk menerimanya; tidaklah patut ada sebarang perubahan pada ciptaan Allah itu (iaitu janganlah mengubah agama Allah yang berdasarkan tauhid kepada sebarang perbuatan syirik), itulah *al-din* yang betul dan lurus, tetapi kebanyakan manusia tidak mengetahui.

Dilihat dari sudut psikologi, kejadian manusia yang meliputi elemen-elemen fizikal dan spiritual menyebabkan ia memerlukan keseimbangan antara aspek jasmaniah dan rohaniah. Oleh kerana itu, penghayatan agama berfungsi mencorakkan kerohanian atau kejiwaan manusia dalam kehidupannya sehari-hari (H. M. Arifin, 1977: 61). Keseimbangan kedua-dua dimensi zahir dan batin menghasilkan adab yang baik sebagaimana hadis Rasulullah (s.a.w.) yang bermaksud “Tuhan telah mengajar kepadaku adab dan Dia memperbaiki adabku”. Dalam hal ini, al-Ghazali (t. th: 18)

menggariskan usaha menghayati agama sebagai adab yang paling bermanfaat, sebagaimana katanya:

"وأَنْفَعُ الْآدَابِ التَّفَقُّهُ فِي الدِّينِ وَالزُّهْدُ فِي الدُّنْيَا وَالْمَعْرِفَةُ بِمَا لَلَّهِ عَلَيْكَ"

Maksudnya;

Dan adab yang paling bermanfaat ialah menekuni dan memahami agama, zuhud di dunia dan makrifat (mengenali) Allah (s.w.t.).

1.5 RINGKASAN LATAR DIRI AL-IMAM AL-GHAZALI (450H-505H/1058M-1111M)

Nama sebenar ilmuwan agung ini ialah Muhammad bin Muhammad bin Muhammad bin Ahmad al-Ghazali al-Tusi. Nama al-Ghazali merupakan nisbah kepada kampung kelahirannya yang bernama Ghazalah yang terletak di pinggir bandar Tus dalam wilayah Khurasan di Parsi (Iran), atau dinisbahkan kepada bapanya seorang tukang tenun kain bulu atau *al-ghazzal*. Antara gelaran lain ialah Abu Hamid dan Hujjah al-Islam. Beliau telah memberi sumbangan besar dengan mengarang dalam berbagai bidang seperti aqidah, falsafah, logik (*mantiq*), akhlak, tasawuf, kenegaraan dan teori pemerintahan; dan antara karya beliau yang terkenal di alam Melayu ialah *Ihya' Ulum al-Din*, *Bidayah al-Hidayah*, *Minhaj al-Abidin*, *Mizan al-Amal*, *al-Munqidh min al-Dalal*, *Ayyuha al-Walad*, *Kaimiya' al-Sa'adah* dan *Tahafut al-Falasifah* (al-Ghazali, 2004: 28-38). Antara sumbangan lain ialah menyantuni dua bidang teologi dan syariat dalam epistemologi Islam, hingga terbinanya sintesis baru dalam struktur ilmu-ilmu Islam seperti disiplin sufi (al-Ghazali, 1995: v).


1.6 ASPEK KEROHANIAN MENURUT AL-IMAM AL-GHAZALI

Dari segi bahasa, kerohanian dari kata dasar rohani iaitu bahagian dalaman manusia yang berperasaan dan berkemahuan (Arbak Othman, 2005: 645), yang dibangsakan kepada semangat atau roh, dengan makna semangat diri yang batin (Md. Said Suleiman, 2002: 301). Kerohanian merujuk perihal rohani, sifat-sifat rohani atau rohaniah (Sheikh Othman Sheikh Salim, 1989: 1071), atau menurut Tesaurus Umum Bahasa Melayu; dengan makna kejiwaan atau kebatinan (1990: 118). Dari segi pengertian, aspek kerohanian menurut al-Ghazali menyentuh persoalan dalaman dan kejiwaan manusia, yang berkaitan dengan unsur-unsur seperti nafsu, ruh, qalbu dan akal (al-Ghazali, t. th: 59).

Qalbu mempunyai dua makna iaitu qalbu jasmani dan qalbu rohani. Pertama, daging sanubari (*al-lahm al-sanaubar*) yang berada di bahagian sisi lambung kiri iaitu daging dengan makna khusus (hati jasmani) yang di dalamnya mempunyai lubang yang mengandungi darah hitam (al-Ghazali, 1988: 898). Konotasi kedua ialah yang halus, unsur rohani yang dibangsakan kepada Tuhan (ketuhanan), bersifat kerohanian (*latifah rabbaniyah ruhaniyyah*) yang mempunyai ketergantungan kepada hati jasmani. *Latifah* merupakan hakikat manusia yang mampu memahami dengan kefahaman maknawi, mengetahui dan dapat merasai ganjaran pahala dan dosa (al-Ghazali, t. th: 59), bererti ia mampu mencerap sesuatu yang bersifat maknawi melalui mata hati (*basirah*). *Latifah* inilah yang merasa, mengetahui, mengenal, yang ditunjukkan dengan pembicaraan (*khitab*) dan disiksa atas dosanya; dan mempunyai hubungan secara terus dengan hati fizikal atau qalbu jasmani.

Ruh, mempunyai dua makna. Pertama, jisim yang halus (*jisim latif*) yang mengandungi darah hitam yang bersumber dari qalbu jasmani. Melalui otot dan tulang, darah akan mengalir ke seluruh tubuh. Pancaran cahaya kehidupan, rasa, penglihatan, pendengaran dan bau muncul dari ruh ini. Ia berfungsi sebagai penggerak kepada seluruh jasmani. Makna kedua ialah *al-latifah al-^calimah al-mudrikah* pada diri manusia yang juga merupakan salah satu makna qalbu (hati rohani) (al-Ghazali, t. th: 60), yang halus dari manusia, yang mengetahui dan merasa. Ia merupakan suatu urusan ketuhanan yang menakjubkan, yang melangkaui batasan akal dan kefahaman manusia untuk mengetahui hakikatnya (al-Ghazali, 1988: 900); sebagaimana firman Allah Taala dalam Surah al-Isra' ayat 85 yang bermaksud: "Katakanlah! Ruh itu termasuk dalam urusan Tuhanku".

Nafsu juga mempunyai dua pengertian. Pertama, merangkumi makna desakan marah dan syahwat dalam diri manusia. Perkataan nafsu yang biasa digunapakai dalam istilah Tasawuf merujuk kepada sifat-sifat tercela pada diri manusia, kerana itulah ahli sufi sering menggesa ke arah memerangi hawa nafsu (*mujahadah al-nafs*) dan memecahkan syahwat. Pengertian nafsu yang kedua pula ialah yang halus (*al-latifah*) yang telah dinyatakan iaitu hakikat manusia, diri insan itu sendiri dan zatnya yang boleh disifatkan secara berbeza-beza mengikut situasi. Jika nafsu itu dalam keadaan tenteram di bawah perintah Allah (s.w.t.) dan jauh dari pengaruh dan godaan nafsu syahwat, ia dinamakan diri atau jiwa yang tenang (*al-nafsu al-mutma'innah*) (al-Ghazali, t. th: 60; (al-Ghazali, 1988: 900). Firman Allah Taala:



(al-Qur'an, Al-Fajr 89: 27-30)

Maksudnya:

Wahai nafsu yang tenang. Kembalilah kepada Tuhanmu dengan keadaan reda dan diredai. Maka masuklah kamu ke dalam (kalangan) hamba-hambaKu, masuklah kamu akan syurgaKu.

Nafsu yang pertama tidak digambarkan kembalinya kepada Allah (s.w.t.) kerana sifatnya menjauhkan diri dari Allah (s.w.t.) bahkan termasuk dalam pengaruh syaitan. Jika tidak sempurna tahap ketenteramannya (sebagaimana *al-nafsu al-mutma'innah*) tetapi nafsu itu dalam keadaan terdorong dan menahan desakan syahwat, ia dinamakan jiwa yang mencela (*al-nafsu al-lawwamah*). Namun jika ia dalam keadaan tidak memerangi, sebaliknya tunduk menuruti kehendak syahwat dan godaan syaitan, ia dinamakan nafsu atau jiwa yang menyuruh atau menurut kepada kejahatan (*al-nafsu al-ammarah bi al-su'*).

Akal memberi dua maksud. Pertama, bermaksud pengetahuan tentang hakikat sesuatu perkara. Kerana itu akal sesuai dikaitkan tentang sifat pengetahuan yang tempatnya tersimpan di qalbu. Maksud akal yang kedua ialah sifat mengetahui dan memahami ilmu-ilmu atau pengetahuan, yang berada atau berlaku di qalbu; iaitu (yang

peranan dalam membangun dan memelihara aspek kerohanian manusia. Kesemua aspek yang dimaksudkan dianalisis daripada tiga karya beliau iaitu *Ihya' 'Ulum al-Din*, *Minhaj al-^cAbidin* dan *Ayyuha al-Walad*.

1.6.1 ASPEK KEROHANIAN MELALUI ILMU

Di dalam *Ihya'* (al-Ghazali, 1988: 904), al-Ghazali memperjelas fungsi ilmu sebagai perbekalan kepada hati (*al-qalb*), dan manfaat yang akan dicapai oleh seseorang kepada rohaninya daripada bekal ilmu itu adalah amal salih. Oleh kerana pentingnya fungsi ilmu kepada pembentukan rohani, beliau memulakan *Ihya'* (al-Ghazali, 1988: 39-321) dan *Minhaj al-^cAbidin* (al-Ghazali, 1964: 17-23) dengan membicarakan tentang ilmu dan makrifah.

Antara pandangan beliau tentang aspek kerohanian yang berhubung kait dengan ilmu ialah kelebihan ilmu apabila mampu membawa rasa takut (pemilikinya) kepada Allah (s.w.t.), dengan memetik ayat 28 Surah Fatir yang bermaksud: (Sesungguhnya yang takut akan Allah dari kalangan hamba-hambaNya adalah ulama yakni ilmuwan). Ini kerana dengan ilmu, seseorang dapat mengenali Allah, beribadah dan mengagungkanNya, serta membuahkan taat dan menghalangi maksiat (al-Ghazali, 1964: 20; al-Ghazali, 1988: 40). Tentang adab kesopanan pelajar menurut al-Ghazali, antaranya mengutamakan kesucian batin dari kerendahan budi dan sifat-sifat tercela, mengurangkan hubungannya dengan urusan atau pengaruh keduniaan termasuk menjauhkan diri dari kaum keluarga, tidak menyombongkan diri dengan ilmu pengetahuannya atau menentang guru, memberi prioriti kepada ilmu yang terpenting dahulu mengikut tertibnya iaitu ilmu mengenal Allah yang membawa pemiliknya kepada keyakinan hasil dari nur (ilmu) tersebut, yang memberi kesan pembersihan jiwa pemiliknya melalui *mujahadah*. Oleh kerana itu seorang pelajar mestilah sentiasa sedar bahawa matlamatnya belajar adalah untuk membersihkan dan menghiasi dimensi batinnya di samping menginsafi bahawa apa jua ilmu yang dipelajari untuk kegunaan urusan duniawi adalah bermatlamatkan bertemu dengan Allah (s.w.t) (al-Ghazali, 1988: 189-205; al-Ghazali, 1993: 13) dan untuk tujuan amal ketaatan, kerana menurut al-Ghazali, ilmu tanpa amal salih tidak melayakkan pemiliknya menerima rahmat Tuhan (1993: 12). Tentang pembahagian ilmu, al-Ghazali menegaskan bahawa ilmu yang wajib dipelajari setiap muslim ialah ilmu Tauhid, ilmu Sirr (yang berkaitan dengan amalan hati seperti ikhlas dan sebagainya) dan ilmu Syariah (untuk mengetahui halal haram atau yang dibenar dan dilarang menurut syarak) (al-Ghazali, 1964: 20). Selain itu, al-Ghazali banyak memberi peringatan bahkan mencela ilmu yang tidak bermanfaat dari segi amal (al-Ghazali, 1993: 10-12) atau yang bermatlamatkan kesenangan duniawi, kemegahan dan kedudukan (al-Ghazali, 1988: 224-225), atau untuk memperolehi pangkat, status dan populariti di kalangan rakan taulan (al-Ghazali, 1993: 17-18).

1.6.2 ASPEK KEROHANIAN MELALUI KEYAKINAN (AKIDAH)

Menurut al-Ghazali, sangat penting bagi seseorang memahami dengan penuh keyakinan tentang makna dan isi kandungan syahadah (penyaksiannya) bahawa tiada Tuhan yang disembah melainkan Allah dan nabi Muhammad itu pesuruh

Allah, kerana keyakinan tersebut dapat mendorongnya mendukung sunnah di samping terpelihara dari pengaruh golongan sesat atau ahli bid'ah (al-Ghazali, 1993; 30; 1988: 336). Ia mengandungi keyakinan tentang kewujudan zat, sifat dan segala perbuatan Allah (s.w.t.) dan keyakinan tentang kebenaran Rasul (s.a.w.) termasuk keyakinan kepada semua perkara yang didengar melalui pengajaran agama iaitu *sam'iyat* seperti pengumpulan dan kebangkitan sesudah mati, pertanyaan Munkar dan Nakir, azab kubur, neraca, titian, syurga dan neraka. Termasuk dalam bahagian ini adalah keyakinan terhadap rukun-rukun iman (al-Ghazali, 1988: 375-377). Persoalan iman dan keyakinan mempunyai kesan kepada rasa taat di dalam hati manusia (al-Ghazali, 1988: 432) dan menjadi pendorong untuk beribadah (al-Ghazali, 2004: 211-225) dengan keyakinan terhadap pembalasan Allah (s.w.t.) serta azab siksaNya.

1.6.3 ASPEK KEROHANIAN MELALUI IBADAT

Penekanan kepada kepentingan meningkatkan kerohanian melalui jalan ibadah merupakan tumpuan *Ihya' 'Ulum al-Din, Minhaj al-'Abidin* dan *Ayyuha al-Walad*. Di dalam *Ayyuha al-Walad* misalnya, al-Ghazali memulakan pandangan berbentuk amaran tentang tanda-tanda berpaling (kebencian) Allah kepada seseorang hamba ialah apabila ia sibuk mengerjakan sesuatu yang tidak ada kena mengena atau tidak mustahak baginya, di samping menjelaskan bahawa, “ jika berlalu waktu dari seseorang hamba dalam (keadaan ia mengerjakan sesuatu yang) selain dari tujuan sebenar ia dijadikan oleh Allah di dunia ini (iaitu untuk beribadah kepadaNya), maka layaklah nanti ia ditimpa penyesalan yang panjang; dan sesiapa yang mencecah empat puluh tahun dalam keadaan amal baiknya tidak dapat mengatasi amal jahatnya maka hendaklah ia mempersiapkan dirinya ke neraka” (al-Ghazali, 1993: 9).

1.6.3.1 HIKMAH BERSUCI

Menurut al-Ghazali, Allah menganugerahkan ibadah kepada hamba-hambaNya dengan kebersihan dan menjadikan air untuk mensucikan aspek zahir. Kebersihan dan kesucian zahir bukan matlamat akhir bahkan jalan permulaan bagi menuju penyucian batin. Kesucian tidak sekadar membangun aspek zahir melalui pembersihan dengan menyiram air bahkan mengandungi hikmah untuk mensucikan segala rahsia hati (*al-sara'ir*). Menurut beliau lagi, empat tingkatan bersuci yang harus dihayati ialah mensucikan anggota zahir hari hadas, kotoran dan benda yang menjijikkan, mensucikan anggota badan dari segala perbuatan jahat dan dosa, mensucikan hati dari segala pekerti yang tercela atau sifat-sifat rendah yang terkutuk, dan mensucikan sirr (rahsia hati atau batin) dari sesuatu yang lain selain dari Allah (s.w.t.) (al-Ghazali, 1988: 449-450). Suatu hal yang perlu diingatkan adalah semua yang jijik atau kotor pada batiniyah manusia wajib dibersihkan, malah lebih banyak dan tidak terhingga berbanding mensucikan aspek zahir manusia (al-Ghazali, 1988: 508).

1.6.3.2 HIKMAH SOLAT DAN PUASA

Solat memberi kesan besar kepada kesejahteraan kerohanian seseorang kerana ia tunggak keyakinan, dan merupakan jalan utama untuk mendekatkan diri kepadaNya (al-Ghazali, 1993: 24; 1988: 509). Menurut al-Ghazali, segala pergerakan, perlakuan dan amalan zahir berkaitan solat bermula dari azan, takbir, penyempurnaan rukun termasuk rukuk, sujud, tasyahhud, solat fardu dan sunat, solat secara berjamaah, kesemuanya mengandungi rahsia tersendiri untuk tujuan pembersihan jiwa dan pembentukan peribadi manusia. Ini terhasil dengan solat yang bernyawa dan hidup batinnya dengan adanya khusyuk, niat, hati yang hadir, ikhlas (al-Ghazali, 1988: 544). Khusyuk secara ringkasnya terhasil dari iman dan keyakinan kerana faktor-faktor seperti memahami apa yang dibaca di dalam solat, mengagungkan Allah dan takut kepadaNya kerana mengenal dan merasakan kehebatan kekuasaanNya, mengharapNya kerana mengenal kelembutan dan kemurahanNya, rasa malu kerana mengetahui kelemahan dan keaiban diri, bahaya hawa nafsu, kurang keikhlasan, kekotoran batin, kerana menyedari kecenderungan diri kepada kebahagiaan yang segera di dunia, juga kerana menginsafi bahawa Allah melihat segala rahsia dan getar hati yang tersembunyi (al-Ghazali, 1988: 553-557). Solat dalam bentuk inilah yang dimaksudkan di dalam al-Quran yang dapat mencegah seseorang dari perbuatan keji dan mungkar.

Puasa menurut al-Ghazali (1988: 760) sebagai benteng (pencegah) dari gangguan hawa nafsu, mengukuhkan kerohanian dan mententeramkan jiwa. Ia mempunyai tiga tingkatan yang mana semakin tinggi tingkatan puasa seseorang, semakin tinggi tingkatan kerohanian dan peribadi luarannya. Puasa umum, mencegah perut dan kemaluan dari keinginannya. Puasa khusus, pencegahan pendengaran, penglihatan, lidah, tangan, kaki dan anggota-anggota lain dari dosa. Puasa khusus dari khusus, iaitu selain merangkumi tingkat satu dan dua, turut menjangkau kepada puasa hati dari segala cita-cita yang hina dan duniawi sifatnya serta mencegahnya dari (memusatkan segala amalnya) selain Allah (s.w.t.) (al-Ghazali, 1988: 769). Jelas bahawa tujuan puasa ialah untuk mengosongkan perut dan menghancurkan hawa nafsu bagi menguatkan jiwa kepada taqwa (al-Ghazali, 1988: 773).

1.6.3.3 HIKMAH MEMBACA AL-QURAN

Menurut al-Ghazali (1988: 879-902), pembacaan al-Qur'an (*tilawah al-Qur'an*) mempunyai sepuluh ciri yang mesti dihayati pada dimensi dalaman (batin) seseorang untuk ia mendapat hikmah dari bacaan tersebut. Ciri-ciri tersebut ialah pertama, faham tentang keagungan dan ketinggian apa yang dibaca sebagai perkataan atau kalam Allah. Kedua, mengagungkan Allah yang memiliki kalam tersebut. Ketiga, menghadirkan hati (termasuk fikiran) ketika membaca, kemudian keempat; menghadirkan pengertian iaitu membaca dengan tartil secara

zahir untuk memudahkan tadabbur makna secara batin. Kelima, memahami apa yang dibaca dengan cara berusaha memperoleh penjelasan bagi tiap-tiap ayat, kemudian keenam; mengelakkan diri dari penghalang kefahaman¹, kemudian ketujuh; mengkhususkan apa yang dibaca terhadap dirinya dalam ertikata merasakan dialah yang dimaksudkan dalam setiap kata-kata yang ditunjukkan dalam al-Qur'an². Kelapan, membekaskan (memastikan ada kesan) segala bentuk ayat yang dibaca pada hatinya mengikut situasi yang digambarkan oleh ayat-ayat al-Qur'an. Kesembilan, peninggian iaitu hikmah yang didapati dari penghayatan makna ayat akan meninggikan orang yang membaca ke tahap muqarrabin (orang-orang yang dekat kepada Allah Taala) dengan *ihsan*, yang akan menyebabkannya merendahkan diri, merasa malu dan mengagungkan Allah (s.w.t.). Kesepuluh, pelepasan iaitu melepaskan diri dari memandang diri dengan penuh kesenangan, keselamatan dan kesucian. Seseorang yang berjaya menghayati pembacaannya sentiasa berwaspada dan merasa bimbang dengan kedudukan diri dan amalannya pada penilaian Allah (s.w.t.) sehinggakan bila membaca ayat-ayat yang menjanjikan kesenangan dan balasan baik, dia berdoa dalam hati dengan penuh pengharapan agar Allah memasukkannya di kalangan para salihin yang layak merasainya, sebaliknya pula apabila membaca ayat-ayat yang berisi celaan terhadap orang-orang lalai atau derhaka, dia merasakan dialah yang ditunjukkan dan segera merasa takut dan mengharap dikasihani dan diampunkan oleh Allah (s.w.t.).

1.6.3.4 HIKMAH ZIKIR, DOA, WIRID DAN QIYAM AL-LAIL

Di dalam *Ihya'*, al-Ghazali (1988: 917-1061) menjelaskan tentang kepentingan zikir, doa, wirid dan menghidupkan malam dengan solat-solat sunat (*qiyam al-lail*) sebagai kesinambungan amalan mengingati Allah. Zikir, doa dan wirid merupakan amalan lisan paling utama sesudah bacaan al-Qur'an. Hikmah yang dimaksudkan dari amalan-amalan ini adalah mewujudkan hubungan secara vertikal manusia dengan Tuhannya dalam konteks hubungan menegak (*hablun min Allah*) agar manusia tersebut sentiasa dalam perlindungan, jagaan, suluhan dan hidayah Allah (s.w.t.) yang memberi kesan langsung kepada tabiat dan tingkah lakunya. Hikmah dan keutamaan jelas melalui firman-firmanNya:




¹ Penghalang kefahaman ialah sesuatu yang menghalang seseorang dari menghayati makna dan memahami apa yang dibaca. Antaranya, tumpuan atau perhatian yang berlebihan kepada penyebutan huruf sehingga tidak dapat memfokus kepada pengertian ayat.

² Sebagai contoh, seseorang yang dapat mengkhususkan apa yang dibaca untuk dirinya akan merasakan dialah yang disuruh atau dilarang apabila dia membaca ayat-ayat suruhan dan larangan; dan jika dia membaca ayat berkaitan nikmat dan azab Allah, dia menilai diri dan amalannya. Ringkasnya, pengkhususan akan menghasilkan seseorang yang menginsafi diri berdasarkan pengertian ayat-ayat yang dibaca.

(al-Qur'an, Al-Baqarah 2: 152)

Maksudnya:


Oleh itu, ingatlah kamu kepadaKu (dengan mematuhi hukum dan undang-undangKu), supaya Aku membalas kamu dengan kebaikan; dan bersyukurlah kamu kepadaKu dan janganlah kamu kufur (akan nikmatKu).



(al-Qur'an, Al-Ahzab 33: 41)

Maksudnya:

Wahai orang-orang yang beriman, (untuk bersyukur kepada Allah) ingatlah serta sebutlah nama Allah dengan ingatan dan sebutan sebanyak-banyaknya.



(al-Qur'an, Al-Baqarah 2: 186)

Maksudnya:

Dan apabila hamba-hambaKu bertanya kepadamu mengenai Aku maka (beritahu kepada mereka); sesungguhnya Aku (Allah) yang sentiasa hampir (kepada mereka); Aku perkenankan permohonan orang yang berdoa apabila ia berdoa kepadaKu. Maka hendaklah mereka menyehut seruanKu (dengan mematuhi perintahKu), dan hendaklah mereka beriman kepadaKu **supaya mereka menjadi baik serta betul.**

Istilah zikir yang dimaksudkan oleh al-Ghazali ialah tahlil (*La ilaha illallah*), tasbih (*Subhanallah*), tahmid (*Alhamdulillah*), takbir (*Allahu Akbar*) termasuk menyebut nama-nama Allah dan lafaz-lafaz zikir yang lain yang diwarisi dari Rasulullah (s.a.w.) yang terdapat dalam hadis-hadis baginda. Istilah doa pula merupakan permintaan, permohonan pertolongan dari Allah (s.w.t.) oleh seseorang hamba. Termasuk dalam pengertian doa ini adalah lafaz-lafaz doa yang terdapat di dalam al-Quran, al-Sunnah, juga istighfar dan selawat ke atas nabi Muhammad (s.a.w.), serta doa-doa yang diwarisi (*ma'thur*) menerusi para Sahabat (al-Ghazali, 1988: 936-987). Wirid pada pengertian al-Imam al-Ghazali merangkumi amalan (tetap) harian yang menggunakan sepenuhnya sisa waktu sepanjang usia manusia yang datang berulang-ulang, dengan tugas wirid iaitu himpunan ibadah dalam kerangka mengingati Allah atau *dhikrullah* secara komprehensif. Sebagai contoh, amalan tetap yang bermula dengan doa selepas bangun tidur, bersuci, beribadah secara khusus seperti solat-solat, membaca al-Qur'an, zikir, doa, istighfar, selawat dan tafakkur dalam usaha mendekatkan diri kepada Allah (s.w.t.) semuanya dikira sebagai

wirid yang merangkumi waktu siang dan malam (al-Ghazali, 1988: 989). Menghidupkan malam (*qiyam al-lail*) pula bermaksud menghidupkan malam dengan beribadah, bermula dengan maghrib, di antara maghrib dan Isyak, kemudian Isyak dan solat-solat sunat selepasnya, kemudian tidur dan kemudiannya bangun (sepertiga terakhir) malam untuk dipenuhi dengan solat (al-Ghazali, 1988: 1041). Amalan menghidupkan malam memberikan rasa kehalusan dan kemanisan dari nur Ilahi ke dalam hati pengamalnya (al-Ghazali, 1993: 25-27; 1988: 1055). Hikmah utama mengingati Allah dan bersyukur kepadaNya melalui amalan zikir, doa, wirid dan *qiyam al-lail* ini adalah untuk mengikis rasa sombong manusia (iaitu sukar untuk tunduk dan patuh kepada perintah Allah) dan mengelakkan berlakunya kerenggangan manusia (dari Penciptanya) (al-Ghazali, 1988: 988). Semua amalan ini telah terbukti berkesan membentuk ahli keluarga Rasulullah (s.a.w.), para Sahabat dan pengikut-pengikut mereka dengan keperibadian unggul yang mentaati agama.

1.6.4 ASPEK KEROHANIAN MELALUI ETIKA

Selain ibadah khusus, al-Ghazali turut memberi perhatian kepada perkara lain seperti etika yang turut memberi kesan kepada kerohanian seseorang. Ini kerana semua etika dan peraturan dalam kehidupan mesti dirujuk dan berdasarkan kepada agama termasuk segala adab, keperibadian dan cara-caranya (al-Ghazali, 1988: 1064). Antara aspek yang mempengaruhi kerohanian seseorang adalah apa yang ia makan, dengan siapa ia bergaul dan bagaimana perilaku pancainderanya selain dari aspek ibadatnya secara khusus. Di dalam *Minhaj al-^cAbidin*, al-Ghazali (2004: 86-122) menyatakan bahawa penjagaan pancaindera seperti mata, telinga, lidah, hati dan perut merupakan bukti ketaqwaan seseorang hamba kepada Tuhannya.


Berkaitan dengan adab makan, al-Ghazali menjadikannya sebagai salah satu aspek penting yang mesti dijaga. Para *salaf al-salih* menyatakan bahawa “Sesungguhnya makan itu sebahagian daripada agama”. Ini kerana apa yang dimakan dan cara makan akan membentuk hati dan jiwa, dapat menyalurkan kekuatan dan menjadi jalan atau wasilah kepada agama (al-Ghazali, 2004: 108-121; 1988: 1064). Antara adab sebelum makan ketika sendirian menurut al-Ghazali ialah memastikan makanannya halal dari segi bahan dan cara menyediakannya, membasuh tangan, berniat untuk melakukan ketaatan kepada Allah (s.w.t.) hasil dari kekuatan selepas makan, merasa senang dan cukup dengan rezeki yang ada di hadapan dan tidak bersungguh-sungguh mencari makanan yang enak-enak untuk memenuhi nafsu makan. Adab semasa makan pula adalah dimulai dengan lafaz bismillah dan disudahi dengan alhamdulillah, menggunakan tangan kanan, dikecilkan suap dan disempurnakan kunyahan, tidak mencaci atau merungut ketika makan, tidak gopoh dan tidak rakus. Adab selepas makan pula seperti berhenti sebelum kenyang, menjilat jari, membersihkan mulut dan bersyukur dengan rezeki yang dikurniakanNya (al-Ghazali, 1988: 1065-1073). Antara pandangan yang diulang-ulang oleh al-Ghazali ialah makanan yang halal dan baik akan memberi kekuatan dan dorongan untuk beribadah manakala makanan yang haram akan menjadi penghalang (hijab) dari melakukan taat. Kesederhanaan dari segi kuantiti

makanan yang diambil akan menjamin keringanan tubuh badan dan kecergasannya untuk menambahkan kebajikan dan amal, manakala makan dengan banyak akan mendorong sifat malas, berlengah-lengah dan tunduk kepada hawa nafsu.

Berkaitan adab berkasih-kasih dan bersahabat jika dilaksanakan mengikut cara yang diperintahkan oleh syarak, akan mendekatkan diri pengamalnya kepada Allah (s.w.t.) sebagai suatu ketaatan, sebagai manifestasi dari penyesuaian dan persefahaman serta jauh dari keburukan budi, saling memarahi, saling berdengki dan memusuhi (al-Ghazali, 1988 (b): 246-247). Menurut al-Ghazali (1988 (b): 2257-259), berkasih-kasih dan persahabatan yang dikira sebagai suatu ketaatan kepada Allah adalah ikatan persaudaraan kerana Allah dan pada jalan Allah (bukan pada jalan maksiat atau jalan duniawi). Mengenai syarat untuk memilih teman atau sahabat, al-Ghazali menyebut bahawa buka semua jenis manusia patut dijadikan teman. Beliau berhujah dengan pengajaran dari hadis yang diriwayatkan oleh Abu Daud, al-Tirmidhi dan al-hakim dari Abu Hurairah, yang bermaksud: “Manusia itu menurut agama temannya. Maka hendaklah diperhatikan (diselidiki) oleh seseorang kamu (kepada) orang yang akan diambil menjadi teman”. Syarat-syarat pemilihan ialah berakal, baik budi pekerti (akhlak), tidak fasik (iaitu tidak berterusan dalam melakukan dosa besar seperti tidak mengerjakan solat), tidak melakukan perkara bid'ah dan tidak tamak terhadap dunia. Secara ringkas, syarat kecukupcakaan untuk memilih teman adalah berdasarkan pandangan Saiyidina Umar (r.a.) iaitu orang yang beragama dengan maksud menghayati dan mengamalkan agama (al-Ghazali, 1988 (b): 287-290).

1.6.5 ASPEK KEROHANIAN MELALUI PEMBAIKAN AKHLAK

Menurut al-Ghazali (1988: 1034), akhlak dan budi pekerti pada hakikatnya menerangkan atau menjelaskan tentang keadaan dalam jiwa (*ruhiyyah*). Akhlak yang lurus pula merupakan manifestasi dari jiwa rohani yang sihat (al-Ghazali, 1988: 1053). Kelemahan dari sudut akhlak (penyelewengan akhlak) merupakan kesan dari penyakit hati. Menurut al-Ghazali (1998: 1023), setiap manusia mempunyai penyakit hati. Oleh kerana itu, al-Ghazali menggesa rawatan untuk mengubat masalah-masalah hati mesti disegerakan kerana jika ditangguhkan, penyakit atau masalah yang ada akan bertambah dan menjadi bertindih atau berlapis-lapis. Keutamaan merawat dalaman diri (hati dan jiwa) ini terangkum dalam firman Allah Ta'ala:




(al-Qur'an, Al-Shams 91: 9-10)

Maksudnya:

Sesungguhnya berjayalah orang yang menjadikan dirinya-yang sedia bersih-bertambah-tambah bersih (dengan iman dan amal kebajikan). Dan sesungguhnya hampalah orang yang menjadikan dirinya – yang sedia bersih itu – susut dan terbenam kebersihannya (dengan sebab kekotoran maksiat).

Al-Ghazali (1988: 1035-1037) memberi panduan pembentukan akhlak yang baik memerlukan daya kawal yang tinggi kepada empat aspek yang sangat mempengaruhi akhlak iaitu kekuatan ilmu, kekuatan marah, kekuatan nafsu syahwat dan kekuatan keadilan (keseimbangan di antara ketiga-tiga kekuatan tersebut). Kekuatan ilmu hanya berlaku apabila berlaku pembezaan antara benar dan dusta, benar dan batil, antara baik dan buruknya sesuatu perbuatan dan tindakan. Apabila kekuatan ilmu ini menguasai seseorang manusia sehingga ia tidak dapat berkompromi dengan sesuatu yang batil atau buruk, bererti telah terhasil hikmah (kebijaksanaan) dalam dirinya. Hikmah merupakan keadaan jiwa yang menyebabkan manusia mengetahui dan menyedari kebenaran apabila berlaku kesalahan akibat perbuatan pilihannya sendiri. Hikmah inilah yang mendorong akhlak yang baik; sebagaimana Firman Allah:



(al-Qur'an, Al-Baqarah 2: 269)

Maksudnya:

Allah memberikan kebijaksanaan (ilmu yang berguna) kepada sesiapa yang dikehendakiNya (menurut aturan yang ditentukanNya). Dan sesiapa yang diberikan Hikmah itu maka sesungguhnya ia telah diberikan kebaikan yang banyak. Dan tiadalah yang dapat mengambil pengajaran (dan peringatan) melainkan orang-orang yang menggunakan akal fikirannya.

Kekuatan marah dan kekuatan nafsu syahwat secara positifnya adalah yang terkawal (boleh ditahan dan dilepaskan kemarahan itu) menurut batas yang dikehendaki oleh kebijaksanaan (hikmah) yang berada di bawah penunjuk akal dan agama. Kekuatan keadilan pula ialah kekuatan jiwa untuk mengekang kemarahan dan nafsu syahwat secara adil dan memandunya mengikut kehendak hikmah. Jika marah dan nafsu syahwat boleh ditunduk dan dikawal oleh akal dan agama, marah akan bertukar menjadi keberanian (*syaja'ah*) dan nafsu syahwat pula bertukar menjadi *'iffah* iaitu penjagaan diri atau diri yang terdidik dengan akal dan agama. Atas asas inilah al-Ghazali menyatakan bahawa induk kepada akhlak yang baik adalah keempat-empat sifat keutamaan ini iaitu *hikmah*, *syaja'ah*, *'iffah* dan *'adil*. Akhlak yang baik dan sifat-sifat lain yang terpuji merupakan cabang kepada induk ini.

Proses pembaikan akhlak sangat berkait rapat dengan rawatan jiwa. Termasuk dalam konsep rawatan pada jiwa ialah dengan menghapuskan perbuatan keji dan kerendahan akhlak dari jiwa, di samping dalam masa yang sama berusaha menghiasi diri dengan sifat dan akhlak yang mulia, yang baik kepada jiwa. Segala usaha dalam proses pembaikan ini menurut al-Ghazali, akan memberi kesihatan kepada jiwa (al-Ghazali, 1988: 1053). Untuk mencapai tujuan kesihatan jiwa manusia, Al-Ghazali (1988: 1039) menyarankan usaha pembaikan akhlak melalui proses latihan. Kawalan sifat marah dan nafsu syahwat misalnya, perlu kepada latihan (*riadah*) dan bersungguh-sungguh dengan amalan ketaatan untuk mengawal

diri (*mujahadah al-nafs*). Menurut al-Ghazali (1988: 1046-1047), maksud *mujahadah* dan *riadah* ialah usaha membawa diri kepada perbuatan-perbuatan yang dikehendaki oleh akhlak mulia. Sebagai contoh, orang yang ingin menjauhi maksiat dalam bentuk pergaulan bebas lelaki dan perempuan, maka caranya ialah ia membiasakan diri dalam waktu yang cukup lama, dengan perilaku orang-orang yang menjaga kehormatan diri, memperjuang dan memaksakan diri; sehingga akhlak orang-orang yang menjaga kehormatan tersebut menjadi sehati (*hal*) sebagai akhlak dan tabiat dirinya. Ini kerana, akhlak keagamaan pada diri seseorang, sukar dan tidak akan melekat (menjadi tabiat) selagi tidak dilatih dan dibiasakan diri dengan akhlak serta kebiasaan yang baik; atau selagi tidak ditinggalkan segala sifat dan perbuatan yang buruk. Menurut al-Ghazali lagi, latihan untuk tujuan ‘membiasakan diri’ sangat penting agar seseorang itu menjadi rindu kepada perbuatan dan amalan yang baik serta merasa nikmat bila melakukannya. Ia juga bertujuan menghasilkan seseorang yang benci kepada perilaku yang tidak baik malah merasa tersiksa jika tersalah melakukan perbuatan tersebut. Oleh yang demikian, akhlak yang baik dapat dicapai dengan cara latihan dan kesungguhan yang mana ia begitu sukar atau berat di permulaan pelaksanaannya, namun menjadi mudah setelah berjaya dilaksanakan sebagai suatu tabiat atau kebiasaan (al-Ghazali, 1988: 1050).

1.7 PENGHAYATAN AGAMA DALAM PEMBANGUNAN PELAJAR

Pembangunan secara literalnya memberi makna usaha atau kegiatan membangunkan, memajukan dan mengembangkan (Arbak Othman, 2005: 51; Sheikh Othman, 2002: 93) atau pengembangan, pembinaan, pembaharuan, peningkatan (Tesaurus Umum Bahasa Melayu, 1990: 26). Pembangunan pelajar bermaksud pengembangan, pembinaan dan peningkatan potensi pelajar dalam segenap unsur yang ada pada mereka iaitu rohani, akal, emosi dan jasmani serta pembangunan potensi pelajar dalam setiap aspek yang boleh menambah nilai mereka dari segi pengetahuan, kemahiran, kepimpinan, keperibadian dan sebagainya. Falsafah Pendidikan Negara memberi mesej penting dari segi keseimbangan makna pembangunan dalam konteks pelajar iaitu tidak tertumpu kepada pembangunan minda atau intelek sahaja, bahkan meliputi aspek spiritual, emosi dan fizikal. Penghayatan agama yang merangkumi semua aspek keperluan kehidupan mempunyai fungsi penting dalam membangunkan manusia dari segi spiritual, intelektual, emosi dan fizikal mengikut sistem (*manhaj*) yang ditentukan oleh Allah (s.w.t.) melalui pengutusan rasulNya Nabi Muhammad (s.a.w.). Oleh kerana itu barangkali, al-Ghazali melalui ketiga-tiga karyanya *Ihya' ʿUlum al-Din*, *Minhaj al-ʿAbidin* dan *Ayyuha al-Walad* tidak pernah mengabaikan keempat-empat unsur insani tersebut dalam menggariskan panduan-panduan penghayatan agama dalam konteks penyempurnaan *ʿUbudiyyat* (ketundukan dan pengabdian hamba kepada Tuhannya) sebagai matlamat penciptaan manusia di dunia ini. Walaupun al-Ghazali turut membincangkan pembangunan diri yang berkait langsung dengan akal, emosi dan fizikal, namun beliau banyak memberi tumpuan kepada persoalan diri dalaman manusia atau *latifah rabbaniyyah ruhaniyyah* yang menjadi paksi kepada pembangunan diri manusia secara keseluruhan.

Pembangunan unsur yang sangat halus ini banyak disarankan terutama di dalam *Ihya' 'Ulum al-Din* dan *Minhaj al-'Abidin* melalui kaedah pembersihan jiwa (*tazkiyah al-nafs*). Sa'id Hawwa (1983: 5-6) ketika mengintisarikan kandungan *Ihya' 'Ulum al-Din* al-Ghazali menyebut bahawa tazkiyyah merupakan pembersihan jiwa dan pembentukan akhlak (dengan hasil jiwa yang bersih itu), melalui cara-cara yang diperintahkan oleh syarak. Hasil tazkiyyah memberikan kesan positif kepada perilaku seseorang sama ada dalam melaksanakan hubungan menegaknya dengan Allah (s.w.t.) atau hubungan merentasnyanya dengan makhluk. Perilaku yang dimaksudkan adalah tutur kata atau gerak geri anggota badan yang selaras dengan kehendak Allah (s.w.t.) . Justeru itulah al-Ghazali dalam ketiga-tiga karya tersebut menggariskan cara-cara atau saluran untuk mencapai pembersihan jiwa (termasuk akhlak) melalui ibadat seperti solat, puasa, zikir, bertafakkur, membaca al-Qur'an, qiyam al-lail, bermuhasabah, mengingati mati di samping mengukuhkan hati dengan tauhid, ikhlas, sabar, syukur, takut dan harap kepadaNya, lemah lembut, jujur serta menjauhi dan merawat segala penyakit hati seperti riya', ujub dan lain-lain sifat keji kerana boleh menjejaskan ibadah seseorang (al-Ghazali, 2004: 237-249). Berdasarkan pandangan-pandangan al-Ghazali, antara pendekatan program yang perlu diberi perhatian ialah pengimarahkan surau-surau, musolla, masjid dan Pusat Islam di dalam kampus dengan solat berjamaah, pengisian tazkirah (peringatan), kuliah-kuliah agama, penganjuran berbuka puasa sunat beramai-ramai (Isnin dan Khamis), halaqah membaca al-Quran atau tadarrus, termasuk halaqah ilmu untuk membincangkan pengajaran dari al-Quran dan Hadis dengan kendalian moderator yang berkemampuan di kalangan pelajar. Selain itu, pengawalan tingkah laku dan etika dari segi etika berpakaian dan pergaulan harus diberi perhatian semula sebagai langkah membentuk disiplin dan saksiah pelajar.

Dalam konteks pembangunan pelajar khususnya pelajar muslim yang menguasai lebih separuh dari populasi pelajar di kebanyakan IPTA negara ini, pembangunan berteraskan penghayatan agama merupakan sesuatu yang sangat penting atas prinsip agama sebagai salah satu daya kawal manusia dari aspek tingkah laku. Dimensi kerohanian dalam penghayatan agama melalui kaedah *tazkiyyah al-nafs* perlu dihayati dan dijadikan teras kepada pembentukan modul pembangunan pelajar terutama di pihak Hal Ehwal Pelajar (HEP) dalam sebarang acara, program atau kursus yang melibatkan pelajar muslim, malah program yang bersumberkan *tazkiyyah al-nafs* dengan penanaman nilai-nilai murni yang universal harus diterap dan dikongsi bersama dengan pelajar non muslim yang lain. Pembangunan menyeluruh yang berpaksikan pembangunan 'diri yang halus' ini menghasilkan manusia yang disebut oleh Syeikh Mahmud Syaltut sebagai berjihad agama (*al-damir al-dini*) yang tidak akan membantah perintah Allah (s.w.t.), tidak menipu, khianat, mengabaikan kebenaran dan meninggalkan kewajipan, sehingga menjamin keselamatan dan keamanan keseluruhan hidupnya (Syaltut, 1966: 16).

1.8 KESIMPULAN

Penghayatan agama yang membawa maksud menghayati, mengamal dan melaksanakan agama secara menyeluruh dalam semua aspek kehidupan dengan segala dimensinya iaitu akidah, ibadah, akhlak dan syariah. Kerohanian merupakan suatu aspek yang mendasari penghayatan agama yang mana penghayatan dimensi akidah, ibadah, akhlak dan syariah kesemuanya memberi kesan kepada bahagian dalaman (batin atau rohani) manusia.

Kertas kerja ini merupakan kertas konsep pembangunan pelajar berteras dan berpaksikan penghayatan agama dengan penumpuan khusus kepada aspek kerohanian sebagai pembangunan dimensi dalaman manusia menurut pandangan dan pemikiran al-Imam al-Ghazali menerusi tiga karyanya *Ihya' 'Ulum al-Din*, *Minhaj al-'Abidin* dan *Ayyuha al-Walad*. Al-Imam al-Ghazali merupakan tokoh agung dalam banyak bidang dalam disiplin agama. Beliau membincangkan aspek kerohanian atau kejiwaan manusia berasaskan 'diri dalaman yang halus' atau *latifah rabbaniyyah ruhaniyyah* yang terangkum dalam empat unsur iaitu qalbu, ruh, nafsu, akal mengikut situasinya masing-masing. Secara keseluruhan, al-Ghazali memberi perhatian khusus kepada penjagaan dan pemeliharaan unsur diri yang halus kerana dari diri inilah terbitnya tingkah laku luaran dalam bentuk perkataan atau perbuatan. Dalam segi pembangunan pelajar, kertas ini mencadangkan penghayatan agama berteraskan pendekatan pembersihan jiwa (*tazkiyyah al-nafs*) dijadikan panduan dan diberi keutamaan oleh pihak universiti dalam perancangan kurikulum atau program kokurikulum untuk pelajar. Penghayatan agama sebagai asas pembangunan pelajar diharapkan dapat melahirkan generasi rabbani yang disebut oleh Fathi Yakan (2002: 125-126) sebagai generasi yang memberi tumpuan, dan kepatuhan yang menyeluruh dan tidak berbelah bagi kepada Allah (s.w.t.) dalam menunaikan segala syariat dan mengikut jalan yang dibawa oleh Rasulullah (s.a.w.), sehingga fitrah yang mengalir dalam setiap pergerakan, ibadat, akhlak dan pergaulan mereka, di dalam setiap aspek kehidupan, pada ketika sunyi atau terang-terangan; seluruhnya dalam pengawasan Allah (s.w.t.) dan dalam ketaatan kepadaNya .

BIBLIOGRAFI

- Al-Bugha, Mustafa Dib. 1998. *Nizam al-Islam fi al-^cAqidah wa al-Akhlaq wa al-Tasri^c*. Damsyik: Dar al-Fikr.
- Al-Ghazali, Abu Hamid Muhammad. T. th. *Raudah al-Talibin wa ^cUmdah al-Salikin*. Beirut: Dar al-Nahdah al-Hadithah.
- _____. 1964. *Minhaj al-^cAbidin*. Kaherah: Maktabah al-Jundi.
- _____. 1993. *Ayyuha al-Walad*. Kaherah: Dar al-Tawzi^c wa al-Nasr al-Islamiyyah.
- _____. 1995. *Raudah Taman Jiwa Kaum Sufi*. Terj. Mohammad Luqman Hakiem. Surabaya: Risalah Gusti.
- _____. 1998 (a). *Ihya' ^cUlum al-Din*. Jilid 1. Terj.TK. H. Ismail Yakub. Singapura: Pustaka Nasional.
- _____. 1998 (b). *Ihya' ^cUlum al-Din*. Jilid 2. Terj.TK. H. Ismail Yakub. Singapura: Pustaka Nasional.
- _____. 2004. *Minhaj al-^cAbidin*. Terj. Abu Mazaya al-Hafiz. Johor Bharu: Jahabersa.
- Al-Qaradawi, Yusuf. 1984. *Ke Arah Pelaksanaan Syariah Islamiyyah*. Terj.Abdul Rahman Ahmad Jerlun. Shah Alam: Dewan Pustaka Fajar.
- _____. 2001. *al-Ibadah fi al-Islam*. Beirut : Muassasah al-Risalah.
- Arbak Othman. 2005. *Kamus Komprehensif Bahasa Melayu*. Shah Alam: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- H. Ibrahim Lubis. 1982. *Agama Islam: Suatu Pengantar*. Jakarta Timur: Ghalia Indonesia.
- H. M.Arifin. 1977. *Psikologi dan Beberapa Aspek Kehidupan Rohaniyah Manusia*. Jakarta: Bulan Bintang.
- Haron Din et.al. 1987. *Manusia dan Islam*. Kuala Lumpur: Polis Diraja Malaysia.
- Mahmood Zuhdi Ab. Majid. 2006. *Penghayatan Agama Sebagai Paksi Melayu Global. Konvensyen Melayu Global*. Kuala Terengganu: Terengganu Development Institute, hlm. 1-5.

- Maududi, Abu al-A^la. 1985. *Asas-asas Islam*. Terj.H.O.K. Rahmat. Kuala Lumpur: Dewan Pustaka Fajar.
- Md. Said Haji Suleimen. 2002. *Buku Katan Kamus Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohamad Abu Bakar. 2005. *Islam Sebagai Budaya dan Peradaban: Ke mana? Di mana? Jurnal Pemikir (39&40): 271-282*.
- Mohd. Kamal Hassan. 1985. Penghayatan Islam dalam Mempelajari dan Mengembangkan Ilmu. *Jurnal Pendidikan Islam ABIM (3): 12-39*.
- Qutb, Sayyid. 1983. *al-Mustaqbal li hadha al-Din*. Kaherah: Dar al-Syuruq.
- Sa^lid Hawwa. 1983. *al-Mustakhlash fi Tazkiyah al-Anfus*. Kaherah: Dar al-Salam.
- Sheikh Othman Sheikh Salim. 2002. *Kamus Dewan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Syaltut, Mahmud. 1966. *Min Taujihah al-Islam*. Kaherah: Dar al-Qalam.
- Tabarah, ^lAfif ^lAbd al-Fattah. 1981. *Berbagai Perspektif Islam (Ruh al-Din al-Islamiy)*. Terj.Md. Akhir Hj. Yaacob. Kuala Lumpur: Angkatan Belia Islam Malaysia.
- Tesaurus Umum Bahasa Melayu. 1990. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Wan Salim Wan Muhamad Nor. 1989. *Penghayatan al-Quran di Malaysia. Seminar Pengajian al-Quran Peringkat Kebangsaan*. Bangi: Fakulti Pengajian Islam UKM, hlm. 1-28.
- Yakan, Fathi. 2002. *Api Kebangkitan Islam dan Cabaran Abad ke-21*. Terj.Ibnu Ghazali. Kuala Lumpur: Jasmin Enterprise.